

27 JUL 1996

Anwar-Tabungan (Bergambar)

KERAJAAN PERKENAL INSENTIF GALAKKAN RAKYAT MENABUNG

BUKIT MERTAJAM, 27 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan beberapa insentif baru untuk menggalakkan rakyat menabung bagi membendung inflasi, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, tindakan itu perlu bagi meningkatkan jumlah tabungan di negara ini yang sekarang pada paras antara 33 dan 34 peratus manakala kadar inflasi berada pada paras 3.6 peratus.

Katanya, jumlah tabungan yang ideal ialah kira-kira 35 peratus dan sehubungan itu kerajaan sedang menimbangkan cadangan daripada pelbagai pihak termasuk Bank Negara untuk meningkatkan kadar tabungan ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan penduduk di Yayasan Aman, Penanti di sini, beliau berkata walaupun kadar tabungan di negara ini sekarang baik, langkah menabung perlu dipertingkatkan supaya kekuatan dan kekukuhan ekonomi negara bergantung kepada kekuatan dalaman termasuk simpanannya.

Sehubungan itu satu mesyuarat peringkat tertinggi akan diadakan minggu depan melibatkan beberapa menteri termasuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Menteri Pendidikan dan Menteri Sumber Manusia.

Pelbagai agensi pusat seperti Perbendaharaan, Unit Penyelarasan Ekonomi, Bank Negara dan institusi-institusi kewangan dan amanah saham juga akan menghadiri mesyuarat itu.

"Pada mesyuarat itu, yang merupakan forum tertinggi, kita akan membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan tabungan dan tabiat menyimpan di kalangan rakyat pelbagai peringkat termasuk generasi muda dan beberapa instrumen baru akan diperkenalkan bagi meningkatkan tabungan itu," katanya.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan mengumumkan bentuk insentif atau galakan itu selepas mesyuarat peringkat tertinggi minggu depan itu serta langkah konkrit termasuk skim dan bon khas untuk menggalakan tabiat menabung itu.

Katanya, setakat ini beliau telah menerima cadangan awal daripada Bank Negara mengenai bentuk insentif itu dan sedang meneliti cadangan itu sebelum keputusan muktamad dibuat minggu depan.

Selain daripada itu, Tabung Amanah Wawasan 2020 yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga merupakan antara cara menggalakkan rakyat menabung, katanya.

Wang cair yang berlebihan di pasaran akan menyebabkan inflasi dan langkah awal perlu diambil dengan mengadakan tabungan agar usaha kerajaan membendung inflasi tidak terjejas.

Pada pertemuan dengan penduduk di sekitar kawasan Penanti, Anwar mendengar masalah mereka dan berusaha menyelesaikannya dengan bantuan pegawai-pegawai kanan pentadbiran negeri.

Terdahulu, beliau juga mengadakan pertemuan yang serupa dengan penduduk di Kampung Surau, Seberang Jaya dan meluangkan masa masing-masing lebih sejam bersama mereka. -- BERNAMA

ZU NMO